Kenyataan Media

PEMERKASAAN PELUANG KERJAYA MELALUI PROGRAM MCMC MICROSOFT AI TEACH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 21 September 2024 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama-sama rakan pelaksana, Biji-biji Initiative serta rakan kerjasama strategik seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang telah menganjurkan program MCMC Microsoft AI TEACH peringkat negeri Pulau Pinang dalam usaha memperkasakan komuniti setempat dengan pembangunan kapasiti Kecerdasan Buatan (AI).

Program selama dua hari ini berlangsung di Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang dan di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang terpilih seperti NADI Sungai Pinang, Balik Pulau, NADI Jawi, NADI Permatang Pasir dan NADI Tanjong Bunga. Lebih 200 orang peserta dijangka menerima manfaat daripada pelaksanaan program ini.

Ia bertujuan untuk memperkasakan peluang kerjaya bagi warga Pulau Pinang terutamanya golongan rentan dengan kemahiran AI. Setelah tamat latihan, para peserta akan menerima sijil penyertaan dan sokongan penempatan pekerjaan dengan kerjasama PERKESO dan selanjutnya memperkukuh kemasukan mereka ke dalam ekonomi digital.

Melalui program ini, peserta akan mempelajari asas-asas AI, pertimbangan etika, serta kemahiran praktikal seperti penulisan *resume* dan pembangunan portfolio. Pelancaran program di Pulau Pinang telah dirasmikan oleh Exco Negeri bagi Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital Pulau Pinang, YB Zairil Khir Johari.

Menurut YB Zairil, “Inisiatif MCMC Microsoft AI TEACH ini juga dapat menyokong hasrat Penang 2030 yang menekankan pentingnya pembangunan bakat dalam AI dan digitalisasi, seterusnya membolehkan rakyat kita melengkapkan diri dengan kemahiran baharu dan bersaing di peringkat global.”

Sesi di Pulau Pinang ini turut dijayakan dengan penglibatan 19 peserta dari *Accelerated Leadership Programme Series* (ALPs), yang merupakan program kepimpinan untuk kakitangan MCMC yang berpotensi tinggi. Peserta ALPs yang memainkan peranan sebagai fasilitator, bukan sahaja aktif membimbing peserta

yang mengikuti program ini, malah mereka turut mempraktikkan kemahiran dan kecekapan yang telah dikuasai sepanjang program ALPs dalam usaha mereka menjadi pemimpin digital di masa hadapan.

Hadir sama ke majlis perasmian Program MCMC Microsoft AI TEACH ini adalah Pengarah Negeri MCMC Pulau Pinang, Encik Mohd Fitri Hashim; Ketua Pegawai Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Encik Mohamad Haris Kader Sultan; Ketua Unit 1 Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial Negeri Pulau Pinang, Encik Linggeswaran A/L Panirselvam, Timbalan Rektor, Penyelidikan, Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Prof. Madya. Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani, dan Ketua Eksekutif Kumpulan Mereka dan Biji-biji, Encik Rashvin Pal Singh.

MCMC telah menjalinkan kerjasama strategik 'MCMC – MICROSOFT AI TEACH' ini bersama-sama Microsoft Malaysia melalui satu memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai pada 20 Jun 2024 lalu.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F**: + 60 3 86 88 10 00 | **E**: corporate.communications@mcmc.gov.my | **W**: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia | MCMC_RASMI | SKMM_MCMC | MCMCTV